



PEKA 2 anjur Kem Kecemerlangan Perintis Muda Pahang

Oleh: MOHD FERDAUS MUSA

Perwakilan Kolej Kediaman Kedua (PEKA 2), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Kem Kecemerlangan Perintis Muda Pahang Peringkat Parlimen Paya Besar dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Paya Besar dan Yayasan Minda dan Kerajaan Negeri Pahang.

Program yang mendapat kerjasama Pertubuhan Pendidikan Anak Malaysia (MYDIDIK), Pertubuhan Kepemimpinan Makmur Pahang (AKAR Pahang) dan Kelab Mahasiswa Paya itu diadakan pada 15 November 2015 yang lalu di UMP Kampus Gambang.

Program itu telah dirasmikan oleh Pengerusi Yayasan Minda, Senator Tan Sri Dr Ibrahim Shah Abu Shah dengan disertai seramai 93 orang pelajar cemerlang yang dicalonkan oleh setiap sekolah melibatkan sembilan buah sekolah sekitar kawasan Parlimen Paya Besar.

Menurut pengarah program, Ibrahim Adham Mohd Samsudin yang juga merupakan Presiden PEKA 2, program perintis muda ini merupakan sebahagian daripada aktiviti pelajar menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia

(SPM).

“Program kali ini melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Panching, Sekolah Menengah Kebangsaan Pandan, Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Garuda.

“Ia dapat mewujudkan kelompok perintis muda dalam kalangan pelajar cemerlang di peringkat menengah agar golongan ini dapat dilatih menjadi pemimpin yang hebat bagi menyediakan barisan pelapis kepimpinan negara di masa akan datang.

“Selain itu, kem ini juga membuka peluang untuk setiap peserta meluaskan jaringan rakan kenalan dalam kalangan mereka. Pengisian yang diterapkan kepada setiap perintis muda berteraskan kepada lima elemen utama iaitu kecemerlangan diri, kepimpinan, kemahiran penyelesaian masalah, pembentukan minda usahawan dan kemahiran kerja berpasukan,” katanya.

Sementara itu, menurut peserta terbaik lelaki iaitu Muhammad Syafiq Burhan Abd Rashid dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sagu, setiap perintis muda telah berpeluang mengikuti sesi perkongsian

pengalaman dengan mahasiswa UMP, ceramah kepimpinan, ceramah kecemerlangan diri, modul ikhtiar usahawan muda dan sesi pengucapan awam.

Beliau cukup teruja ketika berkongsi pengalamannya melalui modul ikhtiar usahawan yang mana setiap kumpulan yang terdiri dari sepuluh orang peserta ditinggalkan di bandar Kuantan dengan hanya berbekalkan modal RM10 setiap kumpulan dan tanpa bantuan telefon bimbit.

Pelajar turut berpeluang mengadakan lawatan sekitar kampus, bilik kuliah, makmal dan merasai pengalaman bergelar mahasiswa universiti.

